

## **Kepercayaan Guru Terhadap Perkembangan Kurikulum dan Pengajaran yang Bertitiktolakkan Dasar Bahasa di Malaysia : Ulasan Rencana**

Tajuk Rencana: Dasar Bahasa dan Pembangunan Negara di Malaysia

Penulis: Dato' Dr. Hassan Ahmad

Terbitan Bersama: Dewan Bahasa dan Pustaka & Persatuan Linguistik Malaysia (2002)

Saya ingin menyentuh serba sedikit tentang kepercayaan guru terhadap perkembangan kurikulum dan pengajaran yang bertitiktolakkan dasar bahasa di negara kita. Saya juga akan cuba menjelaskan keadaan yang seadanya di negara kita ini dari perspektif yang agak berbeza bagi menfaat semua agar masyarakat dapat memahami dilemma dan juga cabaran yang dihadapi oleh guru-guru yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Kemusykilan yang timbul – apakah yang sebenarnya anak-anak kita belajar di sekolah kerana sungguhpun setelah mendapat pendedahan selama 11 hingga 13 tahun, tahap pencapaian kemahiran bahasa mereka semakin membimbangkan. Ramai yang tertanya-tanya, apakah yang telah terjadi pada dasar bahasa kita ini? Ramai juga yang tertanya-tanya, apakah sebenarnya masalah kita ini? Tidak kurang juga yang tertanya-tanya di manakah silapnya dasar bahasa kita ini?

Apabila bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar bagi matapelajaran Matematik dan Sains, ramai yang tertanya-tanya adakah ini cara yang terbaik untuk mencari jalan penyelesaiannya kerana apabila kita meneliti keadaan yang sebenar-benarnya di negara kita ni, kita akan mendapati bahawa bukan hanya bahasa Inggeris sahaja yang menjadi masalah -- bahasa Melayu sendiri pun banyak masalahnya.

Suatu ketika dahulu, bahasa Melayu Johor-Riau diterima sebagai bahasa Melayu standard yang digunapakai oleh semua. Selepas itu arus berubah dan bahasa Melayu baku pula yang diputuskan sebagai bahasa Melayu standard yang wajib digunapakai. Ketika ini, kita sendiri pun kurang pasti di mana letaknya bahasa Melayu standard kita. Malahan,

istilah yang harus digunakan pun berubah-ubah. Suatu ketika dahulu disebut 'bahasa Melayu', selepas itu bertukar menjadi 'bahasa Malaysia'. Selepas itu berpatah balik ke 'bahasa Melayu'. Kami yang mengajar di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan sendiri pun tidak berapa pasti yang mana harus digunakan ketika ini.

Kalau diteliti dari rencana ni, penulisnya adalah seorang pengkaji dan juga sarjana dalam bidang bahasa Melayu. Namun, beliau secara terus-terang tidak menafikan kegagalan bahasa Melayu sebagai bahasa kemajuan. Pada pandangan beliau, bahasa bukanlah hanya sistem struktur, tetapi bahasa juga ialah fenomena atau sistem sosial.

Apabila kita imbas kembali pada pertengahan tahun 50an apabila bahasa Melayu diputuskan untuk dijadikan bahasa pengantar bagi sekolah kebangsaan, banyak suara-suara sumbang yang kedengaran. Banyak pihak yang menentang, atas sebab-sebab mereka yang tersendiri, dan banyak pihak yang meragui kemampuan bahasa Melayu ketika itu.

Satu perkara yang harus kita akui, ialah hakikatnya, keberkesanan suatu perubahan ataupun suatu pelaksanaan kurikulum baru itu hanya akan dapat dilihat setelah satu jangka waktu yang panjang. Kita juga tidak dapat menafikan yakni di peringkat awal suatu perubahan ataupun suatu pelaksanaan kurikulum baru itu, ramai yang akan menjadi korban, banyak yang akan dikorbankan, dan banyak sungguh pengorbanan yang harus dilakukan oleh pelbagai pihak yang terlibat. Tetapi, sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, keberkesanan bagi mana-mana perubahan ataupun pelaksanaan kurikulum tu hanya akan dilihat pada satu jangkawaktu yang panjang.

Sebagai contohnya, diri saya sendiri. Mungkin sejarah hidup saya agak berbeza sedikit dari kebiasaan. Semenjak saya kecil lagi sehingga ke peringkat umur awal belasan tahun saya, saya dibesarkan di merata tempat dan di berlainan benua kerana mengikuti ayah saya atas urusan tugas. Bahasa pertuturan saya di rumah ialah bahasa Inggeris dan Tagalog. Sekembalinya saya di sini, saya hanya belajar bahasa Melayu di sekolah dan juga dari sesiapa di persekitaran saya. Tetapi apabila sesiapa mendengar saya bertutur

dalam bahasa Melayu, cara pertuturan saya tidak jauh bezanya dari orang lain. Sebagaimana yang ditekankan oleh penulis rencana ini tadi, bahasa bukanlah hanya sistem struktur, tapi bahasa juga ialah satu fenomena atau sistem sosial yang mana pergaulan dan juga penglibatan dalam bahasa tu amat perlu untuk kita melihat keberkesanannya.

Berbalik pula kita pada masalah bahasa Inggeris kita di negara ini. Apakah sebenarnya masalah kita? Kenapa setelah sekian lama kita didedahkan kepada bahasa Inggeris di sekolah, namun ramai yang tidak mendapat menafaatnya darinya?

Apabila bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar, bahasa Inggeris diberikan status sebagai bahasa kedua selepas bahasa Melayu mengikut kepentingan. Namun, pada hakikatnya, bahasa Inggeris bukanlah bahasa kedua dalam ertikata aplikasi linguistik yang sebenarnya. Dan pada pandangan saya, sumber masalahnya bertitiktolak di sini. Contohnya, bagi seseorang pelajar dari keluarga Melayu, bahasa pertama atau bahasa ibundanya ialah bahasa Melayu dialek. Dari bidang Sociolinguistik, bahasa Melayu dialek ini diterima sebagai satu bentuk bahasa. Apabila pelajar ini ke sekolah di mana bahasa pengantarnya ialah bahasa Melayu standard, pelajar ini terpaksa 'belajar semula' bahasa Melayu standard itu. Jadi, bahasa Melayu standard itu menjadi bahasa kedua kepada pelajar tersebut. Apabila bahasa Inggeris diletakkan sebagai bahasa kedua selepas bahasa Melayu, Bahasa Inggeris pula jatuh menjadi bahasa ketiga, ataupun bahasa asing kepada pelajar tersebut. Boleh dirumuskan di sini bahawa di negara kita ini, bahasa Inggeris bukanlah bahasa kedua bagi kita tetapi ianya adalah bahasa asing buat kita.

Pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing amat berbeza sekali. Apabila sesuatu bahasa itu dikatakan sebagai bahasa kedua, pendekatan yang digunakan adalah lebih menekankan kepada empat kemahiran asas iaitu: pertuturan, pendengaran, penulisan dan pembacaan. Tetapi apabila sesuatu bahasa itu dikatakan sebagai bahasa ketiga ataupun bahasa asing, pendekatan yang

digunakan dalam pengajaran dan pembelajarannya adalah lebih kepada *immersion*, tatabahasa dan penterjemahan.

Apa yang nampak nyata di sini ialah pendekatan yang digunakan untuk mengajar bahasa Inggeris adalah tidak sesuai, ditambah pula dengan sistem pendidikan seragam yang bercorak linear di negara kita ini, ianya tidak banyak membantu dalam mengasah kemahiran bahasa Inggeris pelajar, lebih-lebih lagi apabila bahasa Inggeris tidak dituturkan secara meluas di tempat-tempat berkenaan. Tidak dapat tidak dinafikan bahawa keadaan ini akan lebih meruncing sekiranya pihak yang berwajib tidak mencari jalan penyelesaian yang sebaiknya secepat mungkin.

Keadaan lebih merumitkan di Malaysia kerana pendidikan dan politik mempunyai hubungkait yang begitu akrab hinggakan sukar untuk dipisahkan. Kementerian Pelajaran kita sendiri diterajui oleh orang politik, dan Menteri Pelajaran kita sendiri tidak ada seorang pun yang berlatarbelakangkan profesyen perguruan. Segala perubahan atau pelaksanaan kurikulum di negara kita ini lebih berbentuk 'top-down', dan ini sememangnya menyukarkan lagi keadaan.

Kepimpinan politik negara memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan sesuatu dasar. Sebagai contohnya, seorang ahli politik di negara kita ini cukup berpengaruh kedudukannya dan apa saja yang diutarakannya dengan mudah diterima sebagai satu dasar. Haluan seperti ini adalah tidak berapa sihat kerana dalam bidang pendidikan misalnya, sesuatu idea yang dianggap dasar akan membawa risiko seandainya disuarakan tanpa perancangan yang rapi ataupun tanpa meneliti segala implikasinya. Masalah yang hebat diperkatakan ketika ini ialah penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kesan kepada setiap pelaksanaan ataupun perubahan kurikulum itu hanya dapat dilihat pada satu jangka waktu yang panjang. Tetapi persoalannya di sini, apakah kita hanya akan tunggu dan lihat sahaja, dan menerima apa sahaja seadanya tanpa menghiraukan segala bentuk pembaziran yang

berlaku atau akan berlaku rentetan dari sesuatu pelaksanaan dasar itu? Ini seharusnya difikirkan dengan mendalam.